



NOTIS PRA KELAYAKAN BAGI TENDER TERBUKA PROJEK TRANSFORMASI DIGITAL SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) ingin mempelawa syarikat yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar di Malaysia bagi menyertai proses pra kelayakan bagi tender terbuka Projek Transformasi Digital Suruhanjaya Tenaga.

Untuk itu, syarikat yang mempunyai kriteria dan syarat pra kelayakan berikut adalah dipelawa untuk mengambil bahagian dalam proses ini:

- 1) Syarikat tempatan yang **berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan memiliki status sah laku operasi syarikat serta latar belakang kepakaran dalam bidang pembangunan sistem ICT, Infrastruktur ICT, Keselamatan, Integrasi dan mempunyai *Project Management Office (PMO)*;
- 2) Syarikat berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dengan sekurang-kurangnya mempunyai kod bidang berikut iaitu **210101, 210102, 210103, 210104, 210105, 210106, 210107** dan **210108**;
- 3) Syarikat mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya **sepuluh (10) tahun** dalam kerja khidmat perunding ICT, pembangunan sistem aplikasi, sistem integrasi, *end-to-end solution*, keselamatan ICT, perkakasan ICT dan seumpamanya;
- 4) Syarikat mematuhi sekurang-kurangnya **salah satu** daripada piawaian berikut iaitu **IT Infrastructure Library (ITIL), Projects in Controlled Environments version 2 (PRINCE 2), Project Management Institute (PMI), Capability Maturity Model Integration (CMMI), atau Test Maturity Model Integration (TMMi)**;
- 5) Syarikat telah berjaya menyiapkan sekurang-kurangnya **tiga (3) projek** serupa yang merangkumi perkhidmatan perunding, pembangunan sistem dalam talian, perkakasan, sistem integrasi dan keselamatan dengan nilai **setiap projek melebihi RM5,000,000.00**; dan
- 6) Syarikat mempunyai modal berbayar (**paid-up capital**) berjumlah **RM1,000,000.00** atau lebih.

Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pra Kelayakan yang diedar oleh Unit Perolehan melalui alamat emel di bawah pada **18 September 2020 sehingga 22 September 2020** waktu pejabat **8.30 pagi hingga 5.30 petang**.

Tarikh tutup penyerahan Dokumen Pra Kelayakan yang lengkap **adalah sebelum jam 5.00 petang pada 25 September 2020**. Penyerahan dokumen secara fizikal yang lengkap hendaklah diterima oleh ST sebelum tarikh dan masa telah yang ditetapkan dan sebarang perubahan kepada kaedah penyerahan akan dimaklumkan melalui laman sesawang ST.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

- 1) Faizah Alias di talian 03-88708659 / faizah_alias@st.gov.my
- 2) Nabeela Mohamad Pesal di talian 03-88708733 / nabeela@st.gov.my

KENYATAANINI JUGA BOLEH DILIHAT DI LAMAN WEB SURUHANJAYA TENAGA DI:

www.st.gov.my